



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja seperti berikut:

BIL	BUTIR – BUTIR TAWARAN	TARIKH / MASA JUALAN Isnin - Khamis (09.00 am – 01.00 pm) Jumaat (09.00 am – 12.15 pm)	TARIKH / MASA TUTUP (12.00 pm)	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN (RM)
1.	Cadangan Kerja – Kerja Menaik Taraf Longkang Konkrit Di Taman Krishnan, Sitiawan Untuk Majlis Perbandaran Manjung MPM JKJ/SH/LKG NO. 6/2020	14.05.2020 - 22.05.2020	22.05.2020	Gred G2 <i>Kategori CE</i> <i>Pengkhususan CE01</i>	30.00

Naskah Meja Tawaran boleh disemak di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Pejabat Majlis Perbandaran Manjung pada waktu pejabat bermula **14.05.2020 (Khamis)**. Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibuat secara tunai di Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Manjung. Kontraktor hendaklah membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga.

Sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dilakukan, kontraktor yang belum mendaftar kelas G2 dengan Majlis Perbandaran Manjung dikehendaki mendaftar terlebih dahulu di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan bagi mendapatkan No. ID Kontraktor Majlis Perbandaran Manjung tertakluk kepada tempoh piagam. Kontraktor dinasihatkan untuk membuat pendaftaran lebih awal iaitu sebelum Tarikh Mula Penjualan Dokumen Sebut Harga bagi mengelakkan kelewatan pembelian Dokumen Sebut Harga yang mana dikhuatiri akan menyebabkan kelewatan penghantaran Dokumen Sebut Harga. Kontraktor boleh muat turun Borang Permohonan Pendaftaran Bekalan & Perkhidmatan di laman sesawang www.mpm.gov.my secara percuma.

Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat bermeteri dan ditulis nombor rujukan sebut harga seterusnya dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung sebelum atau pada jam **12.00 tengahari pada 22.05.2020 (Jumaat)**.

Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah, tertinggi, atau mana-mana tawaran. Sekian dimaklumkan, terima kasih.

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG.